

MAMPU

rangka agenda perkasa sistem penyampaian

Um-13/2/2007

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sedang merangka agenda untuk memperkasa sistem penyampaian bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang moden, responsif dan cekap berlandaskan kepada pengurusan yang baik.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh agensi itu hari ini, usaha tersebut perlu dipertingkatkan menerusi penambahbaikan pengurusan ke arah menzahirkan perkhidmatan yang pantas, menyeluruh dan tepat kepada pelanggan.

"Perkhidmatan awam perlu melipatgandakan usaha untuk sama-sama melonjakkan kedudukan negara pada 10 tangga teratas seperti mana yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," menurut kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, untuk mewujudkan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan, usaha akan tertumpu di kawasan Lembah Klang pada peringkat awal sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Justeru itu, MAMPU menjemput orang ramai untuk mengemukakan cadangan atau penambahbaikan sistem penyampaian yang dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat, sederhana dan panjang.

Semua cadangan itu boleh dihantar menerusi improve@mampu.gov.my sebelum 20 Februari ini.

✂